

**TEKS UCAPAN**  
**DATO' PROF. DR. ZUL AZHAR ZAHID JAMAL**  
**NAIB CANSELOR UniMAP**  
**SEMPENA MAJLIS PENYERAHAN PERALATAN SUKAN BESBOL & PELANCARAN**  
**KLINIK SUKAN BESBOL DI PERLIS**  
**BERTEMPAT DI**  
**AUDITORIUM PERPUSTAKAAN TUANKU SYED FAIZUDDIN PUTRA,**  
**KAMPUS ALAM UniMAP, PAUH PUTRA**  
**PADA 22 SEPTEMBER 2018**

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

“Raja Berdaulat, Rakyat Berilmu, Negeri Sejahtera, Perlis Maju”

Salam Ilmu Keikhlasan Kecemerlangan UniMAP

**SALUTASI DIRAJA**

Mengadap Raja Muda Perlis, Duli Yang Teramat Mulia, Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail merangkap Canselor UniMAP dan Penaung DiRaja Persekutuan Besbol Malaysia.

Patik merafak sembah menjunjung kasih atas perkenan Tuanku meluangkan masa bercemar duli di Majlis Penyerahan Peralatan Sukan Besbol & Pelancaran Klinik Sukan Besbol Di Perlis.

Sesungguhnya keberangkatan Duli Tuanku menunjukkan sokongan dan keprihatinan terhadap perkembangan sukan besbol di negeri Perlis. Patik dan sekalian hadirin amat berbesar hati dengan keberangkatan Duli Tuanku memeriahkan Majlis petang ini.

Ampun Tuanku, patik mohon limpah perkenan Duli Tuanku untuk memberi sepatchah dua kata kepada para hadirin. Ampun Tuanku.

### **SALUTASI**

**Yang Berbahagia Dato' Dr Mohd Sofi Osman, Pengurus LPU UniMAP**

**Yang Berbahagia Dato' Wan Azman Wan Omar, Presiden Persekutuan Besbol Malaysia (PBM)**

**Yang Berbahagia Brig. Jen. Datuk. Prof. Emeritus Dr. Kamarudin Hussin, Presiden Persatuan Besbol Perlis**

**Yang Berusaha Tuan Haji Izmi Ismail, Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri Perlis Para penaja dan Barisan Pengurusan Persekutuan Besbol Malaysia**

**Pegawai Utama Universiti**

**Pengetua dan Guru Sekolah**

**Para pelajar yang diraikan**

**Wakil-wakil media, seterusnya hadirin dan hadirat yg dihormati sekalian**

### **ALUAN KATA**

1. Alhamdulillah, syukur ke hadhrat Allah Azza Wajalla kerana dengan izin dan inayahNya dapat kita berkumpul bersama pada petang ini bagi Majlis Penyerahan Peralatan Sukan Besbol & Pelancaran Klinik Sukan Besbol Di Perlis ini.

2. Saya amat berbangga kerana UniMAP telah diberi kepercayaan untuk menjadi tuan rumah bagi majlis pada hari ini. Sebagai tuan rumah, insya Allah, kami akan lakukan sedaya mungkin untuk memudahkan urusan dan perjalanan Majlis yang bersejarah ini.
3. Di kesempatan ini, saya ingin merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua jawatankuasa di bawah yang bertungkus lumus dalam memastikan majlis pada hari ini berjalan lancar.

Hadirin sekalian,

### **SUKAN BESBOL**

4. Di Perlis, sukan besbol bukanlah sesuatu yang asing lagi, ini kerana, Persatuan besbol Perlis merupakan antara persatuan negeri yang aktif pada masa ini.
5. Untuk makluman semua, kita juga mempunyai pasukan besbol sendiri iaitu Northern Lion UniMAP, dan pencapaian tertinggi yang pernah kita capai adalah tempat keempat pada 26th Prince of Songkhla University Softball Open Tournament.
6. Malah UniMAP pernah menjadi tuan rumah untuk Kejohanan Besbol Piala DYTM Raja Muda Perlis sebanyak 3 kali sejak 2011 hingga 2014.

Hadirin dan hadirat sekalian,

7. UniMAP amat komited dalam usaha memperkenalkan sukan ini dikalangan pelajar. Kita juga menjadikan sukan Besbol sebagai salah satu kokurikulum di UniMAP. Namun semua ini hanya terbatas di UniMAP.

8. Di kesempatan ini, saya ingin mencadangkan pihak Kementerian Pendidikan Malaysia memberikan fokus agar sukan yang berpotensi besar ini dijadikan perkenalkan di peringkat sekolah.

Hadirin dan hadirat sekalian,

#### **PENUTUP**

9. Saya tidak ingin bercakap panjang pada hari ini dan sekali lagi saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Persekutuan Besbol Malaysia dan juga Universiti Putra Malaysia atas kesudian menjadikan UniMAP sebagai tuan rumah pada majlis hari ini.
10. Tidak dilupakan sejuta tahniah kepada sekolah-sekolah yang menerima peralatan Besbol, semoga apa yang diperolehi itu akan dimanfaatkan sepenuh dan dapat melahirkan pelapis sukan Besbol di negeri ini.

Ampun tuanku,

11. Sekian sahaja ucapan patik. Akhir kata, patik sekali lagi mewakili seluruh warga UniMAP ingin merafak sembah, menjunjung kasih yang tidak terhingga kepada ke bawah Duli Tuanku kerana sudi bercemar Duli berangkat ke majlis pada petang ini.

Patik sudahi ucapan ini dengan Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh.

